



Bas yang membawa keluarga pejuang Jaish al-Islam dari kubu pemberontak di Douma, tiba di pusat pemeriksaan Abu al-Zindeen di bandar 'al-Bab, kelmarin.

BERITA HARIAN 8/4/18 ms 32

Tentera Bashar sambung operasi usir pemberontak

**Fakta
nombor**

**1,500
MAUT**

Dalam operasi rejim untuk menawan Timur Ghouta sebelum ini

➔ Hampir 50 maut serangan baharu rejim di Douma

► **Beirut**

Serangan udara terhadap kawasan yang dikawal pemberontak Douma mengorbankan lapan penduduk awam, semalam, kata Pemerhati Hak Asasi Manusia Syria (SOHR), ketika tentera kerajaan menyambung operasi di kawasan itu.

Badan pemerhati di Britain itu berkata, ia tidak boleh mengesahkan sama ada serangan itu dilakukan pesawat rejim atau sekutunya Russia.

Ia adalah pengeboman hebat pada hari kedua terhadap Douma dengan sekurang-kurangnya 40 penduduk awam terbunuh, kelmarin sebaik serangan disambung semula selepas tempoh sunyi selama seminggu.

Banyak kesan darah

Serangan terbaharu oleh rejim Presiden Bashar Al-Assad dilihat sebagai cubaan memberikan tekanan terhadap Jaish al-Islam iaitu kumpulan pembangkang yang menguasai kawasan itu supaya bersetuju dengan tawaran pengunduran daripada rejim.

Enam penduduk awam turut terbunuh dan puluhan mangsa lain cedera, ketika pemberontak Douma menyerang ibu negara Damsyik semalam, lapor media kerajaan Syria.

Siaran langsung stesen televisyen kerajaan di sebuah hospital di Damsyik menunjukkan banyak kesan darah pada lantai dan mangsa cedera ada yang menjerit kesakitan.

Douma adalah kawasan kubu kuat terakhir pemberontak berhampiran Damsyik di dalam wilayah timur Ghouta dengan jarak hanya 10 kilometer.

Operasi rejim untuk menawan Timur Ghouta sebelum ini mengorbankan lebih 1,500 penduduk awam, termasuk wanita dan kanak-kanak.

AFP